

17/05/2003

Pusat menaruh harapan Umno Sabah menang cemerlang

Suzianah Jiffar; Mohd Azrone Sarabatin

KOTA KINABALU: Umno pusat menaruh harapan besar kepada Umno Sabah untuk beraksi cemerlang bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang, kata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Umno Sabah yang mempunyai keanggotaan kedua terbesar di negara ini seramai 416,674 di belakang Umno Johor, mempunyai pengaruh yang kuat di Sabah walaupun penubuhannya hanya berusia 12 tahun, kata Perdana Menteri pada majlis pecah tanah Bangunan Umno Sabah di sini semalam.

Dr Mahathir berkata kekuatan pengaruh Umno yang menerajui BN di Sabah menarik perhatian parti lain di negeri ini untuk menyertai komponen parti memerintah.

"Demikianlah pengaruh Umno di Sabah dan sudah tentu Umno (Sabah) menyumbang kepada kekuatan Umno di seluruh Malaysia. Sumbangannya amat besar kerana kita dapati di Sabah ini Umno sering memenangi semua kerusi yang ditandingi.

"Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa Umno menaruh harapan yang besar kepada Umno negeri Sabah dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir turut mengimbas kembali sejarah penubuhan Umno yang bertujuan mempertahankan hak orang Melayu yang terancam dengan penubuhan Malayan Union dan perjuangan Umno dengan kaum lain bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada British.

Walaupun berjaya dalam mempertahankan Tanah Melayu daripada dijajah melalui Malayan Union, Umno tidak tamak dan ingin membolot semua kuasa tetapi ia sanggup bekerja sama dan berkongsi dengan kaum lain di Malaysia sehinggalah Malaysia berjaya dan dikenali sebagai sebuah negara membangun yang termaju di dunia pada hari ini, katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun Umno mampu memerintah negara bersendirian, tapi ia tidak mahu berbuat demikian dan lebih rela bekerjasama dengan kaum lain supaya kepentingan mereka tidak diabaikan.

"Sifat ini diperluaskan ke Sabah dan Sarawak. Kita sanggup menerima kaum yang ada di Sabah dan Sarawak supaya berkongsi segala-galanya selepas dua negeri itu bergabung untuk menjadi Malaysia.

"Justeru, di sini Umno sudah membuktikan kesanggupan berkongsi dengan kaum lain dan menunjukkan Umno dan orang Melayu tidak tamak," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman; serta anggota Kabinet Sabah dan pemimpin Umno Pusat serta wakil parti komponen Barisan Nasional (BN).

Hadir sama beberapa pemimpin veteran Umno yang membantu mengembangkan Umno di Sabah termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba dan

bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Sakaran Dandai.

Bangunan Umno Sabah setinggi 10 tingkat itu terletak di pusat bandaraya Kota Kinabalu berhampiran Kompleks Kewangan, hotel dan perniagaan.

Dr Mahathir berkata sebelum Umno datang ke Sabah, banyak pertelingkahan yang berlaku tapi dengan ketibaan parti itu sedikit demi sedikit kerajaan Sabah menjadi kukuh, kuat dan mampu membawa kemajuan.

"Umno tidak hidup untuk memberi kesenangan, untuk memberi kedudukan yang tinggi kepada ahli atau kepada pemimpin Umno. Memanglah ada pemimpin jadi wakil rakyat, Ahli dewan Undangan Negeri (Adun), menteri dan ketua menteri, tapi itu secara kebetulan.

"Tapi kita perlu ingat hari ini giliran kita, esok giliran orang lain. Justeru, utamakan parti dan bukan individu. Kita berjuang untuk parti dan parti berjuang untuk bangsa, agama dan tanah air. Itulah perjuangan kita untuk BN dan Umno," katanya

Katanya, dengan cara itu dapatlah didirikan sebuah kerajaan yang adil kepada semua kaum dan ia diterajui oleh Umno.

Dr Mahathir juga menyangkal tuduhan sesetengah pihak bahawa negara diperintah oleh diktator, sebaliknya negara ditadbir oleh pemimpin yang dipilih rakyat.

Perdana Menteri berkata, jika negara diperintah oleh diktator sudah tentu pemimpin berkenaan tidak berani berjumpa rakyat kerana diktator takut kepada orang yang ditindasnya.

"Seorang diktator takut kepada rakyat kerana kezalimannya. Sebab itu semasa dia memerintah sukar melihat dan menemuinya kerana dikelilingi oleh tenteranya.

"Rakyat jauh daripadanya. Rakyat tidak boleh bersalaman dengan pemimpin berkenaan seperti kita di sini dapat bersalam-salaman," katanya.

Dr Mahathir berkata, apabila sesebuah kerajaan begitu zalim, pemimpin kerajaan itu hidup dalam ketakutan.

Beliau berkata, negara bukan memiliki pemerintah seperti yang terdapat di Iraq sebelum ia tewas kepada Amerika Syarikat dan sekutunya.

Katanya, kerajaan Iraq pimpinan Saddam Hussein memang diktator dan ditakuti oleh rakyat.

"Kita dengar sekarang ini laporan kononnya ramai yang dibunuh semasa pemerintahan Saddam Hussein. Banyak mayat yang dijumpai sekarang ini dan sebilangan besar dibunuh. Itu namanya diktator," katanya.